

# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN WILAYAH

30hb. Oktober 1992

*Adalah disyorkan bahawa kajian akhir ini yang*

*disediakan oleh :* SAYAFFI IBRAHIM BIN HARUN

NORHASHIDA BTE HARUN

*bertajuk*

*:* KAJIAN WARISAN SEJARAH SEBAGAI FAKTOR PENARIK  
INDUSTRI PELANCONGAN

KES KAJIAN :

KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

PERAK DARUL RIDZUAN

*diterima sebagai memenuhi sebahagian dari syarat untuk*

*Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah*

*Diluluskan :*

*Panel Penilai :*

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

*Penyelia*

*:*

( EN. WAN MOHD YUSUFF BIN ABDULLAH )

**KAJIAN WARISAN SEJARAH SEBAGAI FAKTOR PENARIK  
INDUSTRI PELANCONGAN**

**KES KAJIAN :**

**KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN TAIPING  
PERAK DARUL RIDZUAN**

Oleh :

**SAYAFFI IBRAHIM BIN HARUN**

dan

**NORHASHIDA BTE HARUN**

Kajian ini disediakan bagi memenuhi sebahagian  
daripada syarat untuk penganugerahan  
Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah

Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah  
Kajian Senibina Perancangan dan Ukur  
Institut Teknologi Mara  
Shah Alam

Oktober 1992

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum wr. wb.

Alhamdulillah, syukur kehadiran Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat juga kami menyiapkan kajian akhir ini.

Dengan rasa tulus ikhlas, kami ingin merakamkan berbanyak - banyak terima kasih kepada En. Wan Mohd Yusuff bin Abdullah selaku penyelia kajian ini. Selama tempoh kajian ini, berkat dari bimbingan, tunjuk ajar, pandangan serta komen - komen membina beliau banyak membantu serta memberi semangat kepada kami untuk menyiapkan kajian akhir ini.

Penghargaan terima kasih juga buat semua pensyarah di Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Institut Teknologi Mara, Shah Alam yang telah banyak menabur bakti dalam memberi bimbingan dan tunjuk ajar kepada kami selama tempoh pengajian di institut ini.

Tidak ketinggalan juga kepada seluruh kakitangan Jabatan Perancang Bandar, Majlis Perbandaran Taiping ( MPT ), Lembaga Penggalakkan Pelancongan ( LPP ), Taiping Tourist Association ( TTA ) serta seluruh pengunjung dan penduduk Taiping yang telah banyak memberikan kerjasama dan bantuan kepada kami dalam menjalankan kajian ini.

Buat teman - teman seperjuangan DPBW 06 Sessi 92/93 yang banyak memberi dorongan dan semangat dalam menjayakan kajian ini.

Akhir sekali, teristimewa buat ayahanda dan bonda yang sering mendoakan kejayaan dan kebahagiaan kami.

Penghargaan	i
Senarai Jadual	ii
Senarai Rajah	iii
Senarai Lampiran	iii
Senarai Gambar Foto	iv
Senarai Singkat Kata	vi

	KANDUNGAN	MURASURAT
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
1.1	Pendahuluan	1
1.2	Kenyataan Masalah	5
1.3	Tujuan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	6
1.5	Skop Kajian	7
1.6	Metodologi Kajian	8
1.6.1	Kajian Awalan	8
1.6.2	Kajian Ilmiah	8
1.6.3	Pengumpulan Data	10
1.6.4	Penganalisan	11
1.7	Jadual Kerja	11
1.8	Kesimpulan	13
<b>BAB 2</b>	<b>Kajian Ilmiah</b>	
2.1	Pendahuluan	14
2.2	Definisi	15
2.2.1	Warisan Sejarah	15
2.2.2	Industri Pelancongan	18
2.3	Kategori Warisan Sejarah Mengikut Akta Bendapurba 1976	21
2.3.1	Monumen	22
2.3.2	Tapaktanah Bersejarah	23
2.3.3	Bendapurba	23

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Penekanan terhadap pelancongan di Malaysia hanya berlaku baru-baru ini sahaja. Walaupun pada tahun 1960-an dan 70-an, potensi kegiatan tersebut telah diperakui, namun usaha yang dijalankan untuk mempertingkatkan sektor ini dan membekalkan perkhidmatan sokongan kepada sangatlah sedikit. Ini adalah kerana dalam jangka masa itu, lebih banyak tumpuan diarahkan kepada sektor yang lebih "dinamik" dan pesat berkembang seperti perindustrian dan perdagangan.

Pelancongan mula mendapat perhatian dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke Empat (1981 - 1985). Antara sebab mengapa sektor ini semakin mendapat perhatian ialah kerana ia dianggap mempunyai potensi menerbitkan tukaran asing dan membantu mengatasi masalah berkaitan dengan imbalan pembayaran negara.

Sejak pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke Empat, kerajaan telah memperkenalkan pelbagai program bantuan dan insentif kepada industri pelancongan.